

(7) Apakah erti الجلم itu sebenarnya? Ia mempunyai beberapa erti yang baik-baik, antaranya: kesantunan (halus budi bahasa atau budi pekerti), sifat sabar, tolak ansur dan ramah ketika marah atau ketika ditimpa bencana, sifat pemaaf, kedewasaan dan kebijaksanaan. Soalnya ialah apakah dengan semata-mata memakai serban sifat-sifat tersebut akan semakin bertambah pada seseorang?

(8) Al-Munāwī di dalam Faidhul Qadīr berkata, “Semua saluran riwayatnya dha’if.” Meskipun beliau tidak menerima semuanya maudhu’.

(9) Menurut para ‘ulama’ hadits, paling baik pun hadits ini bertaraf dha’if sangat. Tidak kurang juga di kalangan mereka yang menghukumnya sebagai maudhu’. Antaranya Ibnu al-Jauzi, asy-Syaukāni, at-Thībi dan lain-lain.

Contoh Ketiga:

Rasulullah s.a.w. dikatakan telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَمَدَّنِي يَوْمَ بَدْرٍ وَخُنَيْنٍ بِمَلَائِكَةٍ يَعْتَمُونَ هَذِهِ الْعِمَّةَ، فَقَالَ إِنَّ الْعِمَامَةَ حَاجَزَةٌ بَيْنَ الْكُفْرِ وَالْإِيمَانِ.

Bermaksud: Sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jalla telah menolongku pada Hari Badar dan Hunain dengan para malaikat yang berserban dengan cara ini. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya serban itu penghalang di antara kufur dan iman.

Rujukan:

Abu Daud at-Thayālisi – Musnad Abi Daud at-Thayālisi j.1 m/s 130, Ibnu ‘Adi – al-Kāmil j.5 m/s 285-286, al-Baihaqi – As-Sunan al-Kubra j.10 m/s 14, Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar – al-Mathālib al-‘Aaliyah j.10 m/s 273, al-Baghawi – Mu’jam as-Shaḥābah j.4 m/s 86, as-Suyuthi - al-Jāmi’ as-Shaghīr Wa Ziādatur m/s 349, adz-Dzahabi – Mīzān al-Itidāl j.2 m/s 396-397, al-Albāni – as-Silsilatu ad-Dha’īfah j.7 m/s 54.

Komentar:

(1) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas adalah sebahagian daripada hadits yang agak panjang. Ia dengan sanad dan matan selengkapnyanya berdasarkan riwayat Abu Daud at-Thayālisi adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ (الطيالسي) حَدَّثَنَا الْأَشْعَثُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ بُسْرِ عَنْ أَبِي رَاشِدٍ الْخُزَّانِيِّ عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : عَمَّنِي رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يَوْمَ غَدِيرِ خُمٍ بِعِمَامَةٍ سَلَّهَا خَلْفِي ثُمَّ قَالَ : « إِنَّ اللَّهَ أَمَّنِّي يَوْمَ بَدْرٍ وَخَتَنِي بِمَلَائِكَةٍ يَعْتَمُونَ هَذِهِ الْعِمَّةَ وَقَالَ إِنَّ الْعِمَامَةَ حَاجِرَةٌ بَيْنَ الْكُفْرِ وَالْإِيمَانِ وَرَأَى رَجُلًا يَزِمِي بِقَوْسٍ فَارْسِيَّةٍ فَقَالَ أَرَمَ بِهَا ثُمَّ نَظَرَ إِلَى قَوْسٍ عَرَبِيَّةٍ فَقَالَ عَلَيْكُمْ بِهِذِهِ وَأَمْثَالِهَا وَرَمَّاحَ الْقَنَا فَإِنَّ بِهِذِهِ يُمَكِّنُ اللَّهُ لَكُمْ فِي الْبِلَادِ وَيُؤَيِّدُكُمْ فِي النَّصْرِ ».

Bermaksud: `Ali meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. memakaikan kepadaku pada hari Ghadir Khum satu serban yang dilepaskan ekornya ke belakangku. Kemudian Baginda bersabda: “Sesungguhnya Allah `Azza Wa Jalla telah menolongku pada Hari Badar dan Hunain dengan para malaikat yang berserban dengan cara ini. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya serban itu penghalang di antara kufur dan iman.”

Rasulullah s.a.w. (juga) melihat seorang lelaki yang memanah menggunakan busar (panah) Farsi. Terus Baginda bersabda: “Buangkannya”. Setelah nampak busar (panah) `Arab, Baginda bersabda: “Gunakan busar ini dan busar-busar sepertinya, gunakan juga lembing-lembing yang sempurna, kerana dengannya Allah akan menguatkan kedudukanmu di segala negeri dan Allah akan menyokongmu untuk mencapai kemenangan.”

(2) Ibnu `Adi, al-Baihaqi dan lain-lain juga mengemukakannya dengan sanad yang sama di bahagian atasnya.

Setelah mengemukakannya dengan sanad itu al-Baihaqi berkata, “Asy`ats ialah Abu ar-Rabī` as-Sammān. Seorang perawi yang tidak kuat (dha`if). Isma`il bin `Ayyāsy telah menyalahinya, dia meriwayatkannya daripada `Abdillah bin Busr ini daripada `Abdir Rahman bin `Adi al-Bahrāni daripada saudaranya `Abdil A`la daripada Nabi s.a.w. secara munqathi` (terputus sanadnya). `Abdullah bin Busr ini (juga) seorang perawi yang tidak kuat. Itulah yang dikatakan oleh Abu Daud as-Sijistāni dan lain-lain.”

Al-Asy`ats bin Sa`id yang memakai kuniah Abu ar-Rabī` as-Sammān itu bukan seorang perawi dha`if biasa, malah ia adalah seorang perawi matrūk yang disepakati para `ulama` Rijāl tentang kedha`ifannya.

`Abdullah bin Busr as-Saksaki al-Ĥubrāni yang memakai kuniah Abu Sa`id al-Ĥimshi juga seorang perawi dha`if. Selain Abu Daud seperti disebutkan oleh al-Baihaqi itu,

Yahya bin Sa'id al-Qatthaan, Yahya bin Ma'in, Abu Haatim, an-Nasaa'i, at-Tirmidzi, ad-Daaraquthni dan ramai lagi 'ulama' Rijāl mengatakan ia dha'if. Imam adz-Dzahabi di bawah biografinya telah mengemukakan hadits itu juga sebagai contoh riwayatnya yang dha'if.

(3) Ibnu 'Adi di bawah biografi 'Abdillah bin Busr tidak mengemukakannya melalui sanad Abu ar-Rab' as-Sammān iaitu al-Asy'ats bin Sa'id, tetapi melalui saluran riwayat 'Abdus Salam bin Hasyim daripada 'Abdillah bin Busr. 'Abdus Salam bin Hasyim adalah salah seorang perawi matrūk, sebagaimana dikatakan oleh adz-Dzahabi di dalam Mīzān al-I'tidāl (j.2 m/s 397).

(4) Di bawah biografi 'Abdillah bin Busr juga Ibnu 'Adi telah mengemukakan hadits itu dengan sedikit perbedaan pada lafaznya dengan sanad yang lain, tetapi di dalamnya tetap ada juga 'Abdullah bin Busr itu. Lihat lafaz hadits dan sanadnya di bawah ini:

حدثنا أبو العلاء، ثنا محمد بن الصباح الدولابي، ثنا إسماعيل بن زكريا عن عبد الله بن بسر -رجل من أهل حمص- حدثني حكيم، أبو الأحوص، قال: "دعا رسول الله -صلى الله عليه وسلم- عليا فعممه بعمامة سوداء ثم أراها بين كتفيه من خلفه، فقال هكذا: فاعتموا فإن العمائم حازر بين المسلمين والمشركين، وهي سيماء الإسلام".

Bermaksud: Ḥakīm Abu al-Aḥwash meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. memanggil 'Ali lalu memakaikan kepadanya serban hitam dengan melepaskan ekornya ke belakang di antara dua belikatnya, kemudian bersabda: "Pakailah serban, kerana serban adalah penghalang di antara orang-orang Islam dan orang-orang musyrikin. Ia adalah tanda Islam."

Selain terdapat di dalam sanadnya 'Abdillah bin Busr itu, riwayat ini tidak lebih daripada satu riwayat yang mursal. Ḥakīm Abu al-Aḥwash bukan seorang sahabat Nabi s.a.w., bagaimana dia akan meriwayatkan secara langsung daripada Baginda tanpa sebarang perantaraan?!

(5) Ramai juga pengarang yang menyebutkan hanya bahagian terakhir hadits itu sahaja iaitu tentang busar panah tanpa menyebutkan kisah Nabi s.a.w. memakaikan serban hitam kepada 'Ali. Antara tokoh hadits yang meriwayatkan bahagian akhir itu sahaja ialah Ibnu Majah, Abu Nu'aim, Ibnu Qānī (Lihat Mu'jamu as-Shaḥābah j.2 m/s 288) dan lain-lain. Lihat sebagai contohnya riwayat Ibnu Majah berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ بْنِ سَمُرَةَ، أَخْبَرَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى، عَنْ أَشْعَثَ بْنِ سَعِيدٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُسْرِ، عَنْ أَبِي رَاشِدٍ عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كَانَتْ بِيَدِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَوْسٌ عَرَبِيَّةٌ، فَرَأَى رَجُلًا بِيَدِهِ قَوْسٌ فَارِسِيَّةٌ، فَقَالَ: "مَا هَذِهِ؟ أَلْقَاهَا، وَعَلَيْكُمْ بِهِذِهِ وَأَشْبَاهُهَا، وَرَمَاحُ الْقَنَا، فَإِنَّهُمَا يَزِيدُ اللَّهُ لَكُمْ بِهِمَا فِي الدِّينِ، وَيُمْكِّنُ لَكُمْ فِي الْبِلَادِ".

Bermaksud: `Ali meriwayatkan, katanya: Pernah di suatu ketika di tangan Rasulullah s.a.w. ada busar (panah) `Arab, tiba-tiba Baginda nampak ada di tangan seorang lelaki busar (panah) Farsi, Baginda terus bersabda: "Apa ini? Buangkannya, gunakan busar ini dan busar-busar sepertinya, gunakan juga lembing-lembing yang sempurna, kerana dengannya Allah akan menambahkan untukmu pada ugama dan akan menguatkan kedudukanmu di segala negeri."

(6) Kalau hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama di bawah Usul ke-67 menyatakan pembeza antara orang-orang Islam dan orang-orang musyrikin ialah serban-serban di atas songkok-songkok, maka hadits contoh ketiga ini pula menyatakan yang membezakan dua golongan manusia tersebut ialah memakai serban sahaja. Persoalan-persoalan yang telah dikemukakan ketika membincangkan hadits contoh pertama itu juga patut diajukan di sini.

(7) Apakah erti حاجز atau حاجزة yang sebenarnya harus dipakai untuk hadits contoh ketiga itu? Kerana ia mempunyai beberapa erti. Antaranya ialah penghalang, penghadang, pemisah, penahan, tabir dan dinding. Apakah serban memang merupakan penghalang, penahan atau penghadang bagi orang-orang yang beriman daripada kekufuran? Bagaimana pula dengan orang-orang beriman yang tidak memakai serban, adakah mereka terdedah kepada kekufuran atau boleh terjerumus ke dalam kekufuran jika tidak berserban?

Jika dikatakan ia seharusnya dipakai dengan erti pemisah, maka berapa ramai orang-orang kafir atau bukan muslim di dalam dunia ini yang memakai serban, malah ada di antara mereka yang menjadikan serban itulah juga sebagai pemisah di antara mereka dengan penganut-penganut agama lain, seperti golongan Sikh.

(8) Apa ertinya dikatakan "Sesungguhnya serban itu penghalang di antara kufur dan iman". Apakah ia dapat menghalang orang yang beriman daripada menjadi kafir? Kalau begitu, bagaimana dengan sekian ramai penganut ajaran salah dan sesat atas nama Islam sepanjang sejarah, semua mereka berserban juga. Banyak daripada kesalahan mereka

sampai mengeluarkan mereka daripada Islam, seperti beberapa sekta Syi'ah, Khawarij, Murji'ah, Qadiani dan lain-lain. Kenapa serban tidak dapat menghalang mereka daripada terjerumus ke dalam gaung kekufuran?

Jelas sekali apa yang disebutkan sebagai hadits Nabi s.a.w. ini bercanggah dengan kenyataan. Sedangkan salah satu ciri hadits sahih ialah ia tidak bercanggah dengan kenyataan.

(9) Jika dikatakan serban yang dimaksudkan di dalam hadits itu ialah serban seperti yang dipakai oleh para malaikat yang menolong Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya dalam perang Badar dan Hunain, maka bagaimanakah serban mereka itu? Adakah seperti yang dipakaikan oleh Nabi s.a.w. kepada 'Ali pada hari Ghadir Khum iaitu serban yang dilepaskan ekornya ke belakang seperti tersebut di dalam riwayat Abu Daud at-Thayālisi, atau serban hitam seperti tersebut di dalam riwayat Ibnu 'Adi?

Bagaimana pula dengan orang-orang yang memakai serban tidak seperti itu? Adakah serbannya tidak akan menghalangnya daripada kekufuran? Adakah serbannya tidak menjadi pembeza di antara orang Islam dan orang kafir?

Terang sekali kekarutan hadits ini apabila ia mengaitkan perbezaan di antara kufur dan iman atau orang Islam dan orang kafir dengan serban semata-mata. Jika hadits-hadits seperti ini diterima, niscaya umat Islam akan menjadi seperti penganut agama Sikh yang memang menjadikan serban sebagai pembeza di antara penganutnya dan penganut agama-agama lain!

(10) Sebetulnya memakai serban itu termasuk dalam Sunnah 'Aadiyyah atau Sunnah Ghairu Tasyri'iyah. Memang tidak dapat dinafikan Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya selalu memakai serban dalam kehidupan seharian mereka sebagai orang 'Arab. Serban memang merupakan salah satu pakaian pelengkap dalam adat berpakaian mereka. Perkara-perkara yang berkaitan dengan perkembangan kehidupan, tamaddun, kebudayaan dan adat resam sesuatu bangsa termasuk bangsa 'Arab, tidak sepatutnya dijadikan sebagai pembeza di antara satu agama dengan agama yang lain.

(11) Tiada siapa pun menafikan Rasulullah s.a.w. semasa hidupnya pernah bahkan selalu memakai serban termasuk ketika bershalat dan hadits-hadits yang menyatakannya juga sahih, seperti tiada siapa pun dapat menafikan Rasulullah s.a.w.

semasa hidupnya makan roti tidak makan nasi, kehidupan malamnya bersuluhkan pelita dan jamung, kenderaan yang dinaikinya adalah unta, kuda dan keledai, sementara alat-alat perang yang digunakannya pula ialah pedang, lembing dan panah. Tetapi adakah sesiapa dari kalangan 'ulama' menganggap semua itu adalah ketetapan agama dan setiap satu daripadanya merupakan pembeza di antara orang Islam dan orang kafir? Jawabnya tiada, kenapa? Kerana semua orang yang hidup di zaman itu menggunakannya tanpa kecuali. Ia tidak khusus dengan orang-orang Islam sahaja.

Contoh Keempat:

Rasulullah s.a.w. dikatakan telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى أَصْحَابِ الْعَمَائِمِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya bershalawat kepada orang-orang yang memakai serban pada hari Juma'at.

Rujukan:

At-Thabaraani – Musnad asy-Syāmiyyīn j.4 m/s 336, Abu Nu'aim – *Ḥilyatul Auliya'* j.5 m/s 189, Ibnu 'Adi – *al-Kāmil* j.2 m/s 5-6, Muhammad bin Thāhir al-Maqdisi – *Dzakhīratu Ḥuffāzh* j.1 m/s 594, Ibnu al-Jauzi j.2 m/s 105-106, al-'Uqaili – *Kitab ad-Dhu'afa'* j.1 m/s 115, al-'Irāqi – *al-Mughni 'An Ḥamli al-Asfār* j.1 m/s 133, as-Suyuthi – *al-La'aali'u al-Mashnu'ah* j.2 m/s 24, adz-Dzahabi- *Mizaanu al-I'tidaal* j.1 m/s 293, Hafīzh Ibnu Hajar al-'Asqalāni – *Lisānu al-Mizān* j.2 m/s 254-255, al-Haitsami – *Majma' az-Zawā'id* j.2 m/s 209, as-Sakhaawi- *al-Maqaashidu al-Hasanah* m/s 466, Abul Wafa Burhanuddin al-Ḥalabi – *al-Kasyfu al-Ḥatsīts* m/s 74, al-Albaani- *Silsilatu al-Aḥādītsi ad-Dha'īfah* j.1 m/s 161, al-Ghumāri – *al-Mudāwī* j.2 m/s 327-328.

Komentar:

(1) Hadits contoh keempat ini mula-mula sekali dikemukakan oleh at-Thabaraani di dalam Kitabnya *Musnad asy-Syāmiyyīn*. Kemudian baru ia tersebar secara meluas. Antara orang yang mula-mula sekali meriwayatkannya daripada at-Thabaraani ialah Abu Nu'aim. Beliau telah meriwayatkan daripada at-Thabaraani secara langsung. Berikut dikemukakan riwayat at-Thabaraani berkenaan bersama sanadnya:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مُعَاوِيَةَ الْعُتْبِيُّ، ثنا يُونُسُ بْنُ عَدِيٍّ، ثنا أَيُّوبُ بْنُ مُرْكَ، عَنْ مَكْحُولٍ، عَنْ أَبِي الرِّدَاءِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى أَصْحَابِ الْعَمَائِمِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ».

(2) Setelah Abu Nu`aim meriwayatkannya beliau berkata, “Gharib (dha`if) daripada hadits Makhûl. Ayyub bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Makhûl.”

Ibnu al-Jauzi pula setelah meriwayatkannya berkata, “Ini adalah hadits yang tiada asal baginya (لا أصل له). Ayyublah orang yang dikatakan bertanggungjawab menyebarkannya. Kata Abul Fath al-Azdi, “Ia adalah hasil rekaannya.” Abu Haatim dan ad-Daraquthni pula berkata, “Dia (Ayyub) perawi matrûk.”

Ibnu `Adi, al-`Uqaili dan lain-lain menukikan dengan sanad masing-masing daripada Yahya bin Ma`in bahawa beliau berkata, “Ayyub bin Mudrik adalah seorang pendusta besar.”

(3) Tidak ada `ulama` Rijâl yang tidak mengatakan Ayyub bin Mudrik dha`if. Paling ringan mereka mengatakan ia dha`if. Ramai di antara mereka bahkan mengatakan lebih teruk lagi dari itu. Abu Haatim, an-Nasaa`i, ad-Daraquthni dan lain-lain mengatakan dia perawi matrûk al-ḥadīths. Ibnu `Adi, al-`Uqaili dan lain-lain pula mengatakan dia perawi munkarul ḥadīths. Al-Azdi mengatakan, dia pereka hadits, dan Yahya bin Ma`in pula bahkan berkata, dia pendusta besar.

(4) Pengarang Dzakhīratul Ḥuffāzh berkata setelah mengemukakan hadits itu, “Ia diriwayatkan oleh Ayyub bin Mudrik al-Ḥanafī daripada Makhûl daripada Abi ad-Dardā'. Ayyub seorang perawi matrûk al-ḥadīths. Makhûl pula tidak mendengar (apa-apa) daripada Abi ad-Dardā'.”

(5) Ibnu Hibbaan berkata, “Ayyub bin Mudrik meriwayatkan hadits-hadits munkar daripada perawi-perawi masyhur, dia juga menda`wa berguru dengan orang-orang yang tidak pernah dilihatnya, seolah-olahnya dia telah mendengar (sendiri) daripada mereka. Ayyub telah meriwayatkan daripada Makhûl satu nuskah (kitab) berisi hadits maudhu', padahal dia tidak pernah pun melihat Makhûl.” (Lihat Ibnu Hibbaan – Al-Majrūhīn j.1 m/s 168).

(6) Di dalam kitab-kitab hadits maudhu' atau kitab-kitab tentang perawi-perawi dha`if dan pendusta, hadits ini dikemukakan oleh pengarang-pengarangnya sebagai contoh

hadits Ayyub bin Mudrik yang dikatakan maudhu' atau munkar. Lihat sebagai contohnya kitab-kitab: Mīzān al-I'tidāl, Lisān al-Mīzān, al-Kāmil Fi Dhu'afā' ar-Rijāl, Kitab ad-Dhu'afā', Silsilatu al-Aḥādīth ad-Dha'īfah dan lain-lain.

(7) Di dalam kitab-kitab hadits maudhu' tersebut satu lagi hadits yang lebih kurang sama kandungannya dengan hadits contoh keempat di atas. Lihat hadits berkenaan berdasarkan riwayat yang dikemukakan oleh Ibnu al-Jauzi pada Bab Kelebihan Serban Putih Pada Hari Juma'at di dalam al-Maudhū'ātnya:

أنبأنا أبو منصور القزاز أنبأنا أبو بكر أحمد بن علي أنبأنا أبو القاسم عبد العزيز بن بندار الشيرازي أنبأنا أحمد بن محمد بن عمرو الحيري أنبأنا أبو الحسن عثمان بن محمد الذهلي حدثنا محمد بن السري بن سهل بن عبد الرحمن الدوري حدثنا يحيى بن شبيب اليماني حدثنا حميد الطويل عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن لله تعالى ملائكة موكلين بأبواب الجوامع يوم الجمعة يستغفرون لأصحاب العمائم البيضاء.

Bermaksud: Anas meriwayatkan, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah mempunyai ramai malaikat yang ditugaskan berada di pintu-pintu masjid jami' pada hari Juma'at, mereka beristighfar untuk orang-orang yang berserban putih."

Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi menukilkan kata-kata al-Khathīb bahawa, "Yahya bin Syabīb meriwayatkan hadits-hadits karut daripada Ḥumaid dan orang-orang lain lagi." Ibnu Hibbaan pula berkata tentang Yahya bin Syabīb, "Dia meriwayatkan daripada ats-Tsauri sesuatu yang tidak pernah sama sekali diriwayatkannya. Tidak harus sama sekali berhujah dengannya."

Al-Haakim, Abu Sa'id an-Naqqāsy dan Abu Nu'aim berkata, "Dia meriwayatkan daripada ats-Tsauri dan lain-lain beberapa hadits maudhu'." Imam adz-Dzahabi di dalam Mīzān al-I'tidāl bahkan berkata, "Hadits ini adalah hasil rekaan Yahya bin Syabīb atas nama riwayat Ḥumaid."

(8) Bayangkan, bagaimana umat Islam yang percaya kepada Nabi Muhammad s.a.w. tidak akan tertarik untuk memakai serban paling tidak pada hari Juma'at, jika hadits-hadits seperti ini tersebar di kalangan mereka tanpa ditapis oleh para 'ulama' hadits. Kerana adanya khidmat para 'ulama' hadits yang menapis segala apa yang dikaitkan dengan Rasulullah s.a.w., maka pengaruhnya tidak begitu ketara di kalangan umat Islam. Walaupun begitu, mungkin masih ramai orang yang terpedaya dengan hadits-

hadits yang karut seperti ini dan mengamalkannya dengan harapan akan mendapat kelebihannya!

(9) Sekian ramai 'ulama' hadits dari dahulu sampai ke hari ini telah menghukum hadits contoh keempat di atas dan hadits-hadits seumpamanya sebagai maudhu'. Antara mereka ialah al-Azdi, Ibnu al-Jauzi, adz-Dzahabi, Hāfīzh Ibnu Hajar, as-Suyuthi, Ibnu 'Arrāq, al-Albāni, al-Ghumāri dan lain-lain.

(10) Maka benarlah kata al-Albāni bahawa tidak ada satu pun hadits sahih tentang kelebihan memakai serban kecuali hadits-hadits yang menyatakan Nabi s.a.w. memang ada memakai serban. Semata-mata memakai serban, tanpa menyebutkan apa-apa kelebihannya pada pandangan agama.

(11) Memakai serban termasuk dalam budaya dan tradisi 'Arab. Umat Islam di setiap tempat tidaklah dituntut supaya terikat dengan mana-mana budaya dan tradisi 'Arab. Nabi s.a.w. sendiri selalu memakai serban kerana ia merupakan pakaian tradisi orang-orang 'Arab. Walaupun serban selalu dipakai oleh Rasulullah s.a.w., ia tetap tidak termasuk dalam Sunnah Nabi s.a.w. yang dituntut dalam Syari'at Islam kerana ada apa-apa kelebihannya yang tersendiri pada pandangan agama, malah ia termasuk dalam perkara harus sahaja seperti benda-benda lain yang lumrah digunakan oleh orang-orang 'Arab di zaman Baginda.

(12) Kebanyakan riwayat tentang serban hanyalah berupa cerita tentang Rasulullah s.a.w. memakainya dalam keadaan itu dan ini sesuai dengan adat bangsa 'Arab semasa. Kerana itu kebanyakan 'ulama' menyebutnya sebagai salah satu Sunnah 'Aadiyyah Baginda sahaja. Adapun hadits-hadits berupa ucapan dan kata-kata Baginda tentang kelebihan serban, maka semuanya dha'if, tidak ada satu pun daripadanya tsabit dan sahih seperti telah sama-sama kita lihat dalam perbincangan yang lalu.

Usul (68): Tidak ada satu pun hadits yang sahih mahupun hasan tentang keharusan atau keelokan beristighātsah dengan orang yang telah mati, baik di kuburnya atau bukan di kuburnya, baik nabi, wali atau siapa pun. Kalau pun ada apa yang dikatakan sebagai hadits, maka hanyalah maudhu' semata-mata, atau paling baik pun ia hanya hadits dha'if sangat. Di bawah ini adalah beberapa daripada contoh-contohnya:

Contoh Pertama: